

22 NOV 2001

Sultan-Idris

TENGGU IDRIS SHAH DIMASYHURKAN SULTAN SELANGOR KE-9

KLANG, 22 Nov (Bernama) -- Tengku Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor yang kesembilan berikutan kemangkatan ayahanda Baginda semalam.

Dengan pemasyhuran itu, Tengku Idris Shah, 55, kini bergelar Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pemasyhuran itu dibuat oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo di Balai Rong Seri Istana Alam Shah pada 3 petang ini sebelum jenazah Sultan Salahuddin disemadikan di Makam Diraja Sultan Suleiman di sini, 1.7km dari istana.

Istiadat pemasyhuran berlangsung di hadapan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah, Raja-raja Melayu dan kerabat diraja.

Pemilihan Tengku Idris dibuat dalam mesyuarat Dewan Diraja Selangor malam tadi yang dihadiri oleh 20 anggota dewan, termasuk Menteri Besar Selangor.

Sultan Salahuddin, Yang di-Pertuan Agong ke-11, mangkat pada 11.57 pagi di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang setelah lima hari berada dalam keadaan kritikal.

Pada majlis pemasyhuran hari ini, Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah selaku Ketua Istiadat Diraja, menyembahkan Keris Panjang Kebesaran Diraja kepada Tengku Idris Shah yang kemudian mengucup keris tanda perkenan.

Kemudian laungan Daulat Tuanku sebanyak tiga kali serta paluan nobat kedengaran menandakan raja dimasyhurkan. Ini diiringi tembakan meriam 21 das.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku ketua Kerajaan Persekutuan menyerahkan jenazah Almarhum kepada Mohamad Khir.

Tengku Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah adalah putera sulung Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Nor Saidatul Ihsan Tengku Badar Shah.

Baginda dilahirkan pada 24 Dis 1945 di Istana Jema'ah Klang, Selangor (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang).

Tengku Idris merupakan putera termuda dalam sejarah raja-raja Melayu dilantik sebagai Raja Muda Selangor pada 3 Sept 1960, ketika berusia 15 tahun. Pertabalan Baginda diadakan 10 tahun kemudian pada 14 Mac, 1970.

Baginda telah beberapa kali memangku tugas ayahandanya semasa ketiadaan Sultan Salahuddin, sepanjang 1972 hingga 1997.

Tengku Idris diberikan kepercayaan untuk menjalankan tugas rasmi ayahandanya seperti menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu, pertabalan Sultan serta mempengerusikan lembaga pengampunan negeri.

Setelah ayahanda baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11, Tengku Idris telah dilantik menjadi Pemangku Raja Selangor pada 24 April 1999.

Amanah itu dilaksanakan baginda dengan rasa penuh tanggungjawab dan ini terbukti dengan pelbagai aktiviti mesra rakyat dan lawatan kerja yang disusun untuk baginda sebaik sahaja bergelar pemangku Raja Selangor.

Sepanjang tempoh itu, baginda telah beberapa kali turun padang menjenguk rakyat di daerah-daerah negeri Selangor untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pembangunan dan permasalahan rakyat jelata.

Tengku Idris mendirikan rumahtangga dengan Raja Zarina Raja Zainal pada 1968 tetapi mereka bercerai pada 1986. Baginda kemudian berkahwin dengan Nur Lisa Abdullah, rakyat Amerika, tetapi perkahwinan itu juga berakhir

dengan perceraian pada 1997.

Tengku Idris dikurniakan dua puteri iaitu Tengku Zerafina, 31, dan Tengku Zatashah, 26, serta seorang putera, Tengku Amir, 9.

Istiadat pemasyhuran itu turut disaksikan oleh Dr Mahathir dan anggota-anggota exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA

HS RIZ NZ MAI